

TAHAP MOTIVASI BELAJAR DALAM KALANGAN MURID DI DUA BUAH SEKOLAH DI DAERAH HILIR PERAK

NOR AROMA ABU BAKAR

Open University Malaysia
email aroma@oum.edu.my

PUVANESWARY A/P BATMANATHAN

Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim
email 123punes@gmail.com

ZETTY NURZULIANA RASHED. PhD

Kolej Universiti Islam Antarabangsa SelangOR
email zetty@kuis.edu.my

ABSTRAK

Tidak dinafikan bahawa mempunyai prestasi akademik yang cemerlang adalah perlu bagi menjamin kehidupan seseorang di masa hadapan. Namun begitu terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kemerosotan prestasi akademik murid termasuk motivasi belajar murid itu sendiri. Sehubungan itu, satu kajian kuantitatif jenis tinjauan telah dijalankan untuk menilai tahap motivasi belajar dan hubungkaitnya dengan prestasi akademik murid. Kajian ini melibatkan N=100 murid di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Hilir Perak (N=50 Sekolah B dan N=50 Sekolah L). Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik berkaitan motivasi belajar dan dianalisa dengan bantuan program SPSS. Analisis skor min bagi pembolehubah tahap motivasi belajar di dalam kajian ini mendapati kedua-dua SJK (T) mempunyai tahap motivasi belajar yang sederhana iaitu skor min antara 2.04-4.34. Namun tahap motivasi belajar di SJK (T) Sekolah B (skor min=2.94-4.20) lebih tinggi berbanding tahap motivasi belajar SJK (T) Sekolah L (skor min= 2.04-4.34). Sementara itu taburan skor min bagi pembolehubah pencapaian prestasi akademik pula secara keseluruhannya mempunyai pencapaian prestasi akademik yang sederhana cemerlang. Analisis juga mendapati pencapaian murid di SJK (T) Sekolah B lebih tinggi iaitu seramai 12 murid berjaya mendapat 7A hingga 3A berbanding pencapaian prestasi akademik di SJK (T) Sekolah L dengan bilangan seramai 9 murid sahaja mendapat skor antara 7A hingga 3A bagi peperiksaan Akhir Penilaian Tahun 5 masing-masing. Kajian ini telah merumuskan bahawa tahap motivasi belajar tidak mempunyai hubungkait yang signifikan dengan pencapaian prestasi akademik murid di kedua-dua SJK (T) ($r = 0.087$, $r = -0.127$) iaitu nilai p yang diperolehi adalah lebih besar daripada 0.05. Kajian ini menegaskan bahawa motivasi belajar boleh dijana melalui diri murid itu sendiri, keluarga dan juga peranan masyarakat setempat.

Kata kunci: Tahap motivasi belajar, Murid sekolah

PENGENALAN

Motivasi merupakan perkara yang penting dalam pencapaian seseorang murid dengan aktiviti belajar. Motivasi juga amat penting dalam proses pembelajaran untuk mencapai matlamat seseorang murid (Siti Aishah, 2004). Menurut Sternberg (2001), motivasi memainkan peranan penting sebagai penggerak untuk mencapai sesuatu tujuan atau matlamat. Mohd Shahrani

Ahmad dan Zainol Madon (2003) pula menyatakan bahawa motivasi adalah satu proses membangkitkan, mengarahkan dan mengekalkan tingkah laku ke arah tujuan tertentu, yang sebelumnya tidak ada gerakan ke arah tujuan tersebut.

Pakar psikologi percaya bahawa motivasi belajar adalah wujud dalam diri seseorang disebabkan dua faktor utama iaitu faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik (Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2003). Faktor intrinsik iaitu faktor dalaman seperti hasrat, keinginan seseorang dan dorongan untuk belajar serta cita-cita ingin dicapai sementara faktor ekstrinsik pula adalah faktor luaran seperti penghargaan, suasana belajar yang kondusif, dan aktiviti-aktiviti belajar yang menarik (Kelman & Straker, 2000). Maka motivasi belajar ini bolehlah disimpulkan sebagai dorongan intrinsik dan ekstrinsik kepada pelajar yang sedang belajar untuk mengadakan perubahan tingkah laku dan hal ini mempunyai peranan yang sangat besar dalam diri seseorang untuk belajar (Uno, 2006).

Hamidah & Norasibah (2012) pula menegaskan bahawa penurunan prestasi akademik murid adalah disebabkan beberapa perkara seperti tiada kesedaran ibu bapa, kemiskinan keluarga, sikap pelajar, kekurangan bahan bantu mengajar, kemudahan infrastruktur dan jurang pendapatan penduduk yang ketara. Sementara Lim, Kam, Leong, Hong & Kuan (2008) pula menyatakan bahawa pencapaian akademik murid adalah dipengaruhi oleh kaedah pembelajaran dan pengajaran seperti kaedah pembelajaran koperatif yang dilaksanakan oleh guru.

Berbeza dengan pendapat Adam, Kassim & Salleh (2009) yang menyatakan bahawa faktor penyumbang kepada penurunan pencapaian pembelajaran murid adalah disebabkan kekurangan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan terutama di sekolah luar Bandar. Beliau menegaskan bahawa pembangunan pendidikan di Malaysia pada peringkat awal tertumpu kepada pembinaan sekolah di bandar dan kawasan pertumbuhan ekonomi utama Negara di mana sekolah-sekolah di bandar dibekalkan dengan kemudahan bangunan dan peralatan yang baik dan lengkap, guru terlatih dan sumber mencukupi. Sebaliknya, peluang menikmati pendidikan bagi penduduk di luar bandar dan pedalaman amat terhad. Malah sekolah luar bandar mengalami pelbagai kekurangan daripada segi infrastruktur dan peralatan, kemudahan asas, guru serta sokongan ibu bapa dan masyarakat. Ketidaksamarataan dan jurang pendidikan yang wujud ini memberi impak yang ketara terhadap pencapaian akademik murid.

Sementara sekolah tempat kajian di mana pengkaji statistik pencapaian akademik semakin menurun seperti yang tunjukkan di Jadual A dan B di bawah. Pra-kajian melalui kaedah temubual dengan beberapa murid mendapati mengalami tahap motivasi belajar yang rendah. Pelbagai alasan diberikan seperti ponteng sekolah, tiada kemudahan yang turut memberi kesan kepada kemerosotan kehadiran murid ke sekolah dan keadaan menjadi satu masalah kepada jumlah kedatangan murid yang dilaporkan.

Megalah Krishnan (2015) juga berpendapat bahawa kelemahan dalam pencapaian akademik bukan sahaja mempengaruhi aspek pendidikan individu pelajar itu sendiri, malah dikhuatiri memberi kesan terhadap peribadi dan akhlak mereka. Justeru, jurang antara tahap pencapaian akademik pelajar menimbulkan persoalan tentang sebab dan akibat wujudnya keadaan ini. Hal ini disebabkan pencapaian akademik bukan sahaja menunjukkan tahap penguasaan akademik tetapi juga dipengaruhi oleh pelbagai konteks lain (Pershey, 2010 yang diambil daripada Megalah Krishnan, 2015).

Sehubungan itu, pengkaji ingin menjalankan satu kajian yang berkaitan dengannya terhadap pelajar di dua buah sekolah yang telah ditetapkan pengkaji. Selain daripada menentukan tahap motivasi belajar kajian ini juga adalah untuk melihat hubungannya dengan prestasi akademik para pelajar di lokasi kajian.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat Tahap motivasi belajar di kalangan murid di dua buah sekolah SJK(T).

Objektif khusus

Berdasarkan objektif umum di atas, berikut adalah beberapa objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk:

- i. untuk menilai tahap motivasi belajar di kalangan murid di dua buah sekolah SJK (T).
- ii. untuk menilai tahap pencapaian akademik di kalangan murid di dua buah sekolah SJK (T).
- iii. untuk melihat hubungan antara tahap motivasi belajar dengan pencapaian akademik di kalangan murid di dua buah sekolah SJK (T).

TINJAUAN LITERATUR

Kajian literatur yang berkaitan hubungan motivasi belajar dengan pencapaian akademik

Menurut *Research Center on Academic Success [CRIRES]* (2005), pencapaian akademik membawa maksud pencapaian pada tahap tertentu yang diperoleh oleh individu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan serta kemahiran. Tahap tersebut telah ditetapkan berdasarkan umur, proses pembelajaran yang telah dilalui serta kemampuan individu berkenaan dengan aspek pendidikan, kelayakan dan sosialiasasi.

Siti Khaidah dan Rukiah (2003) telah melihat kejayaan atau pencapaian pelajar-pelajar terletak pada kadar dimana pelajar itu memahami dan menyelesaikan tugas dengan betul. Beliau memberikan tiga tahap untuk dijadikan ukuran iaitu kejayaan tinggi, kejayaan sederhana dan kejayaan rendah. Pada tahap kejayaan tinggi pelajar-pelajar memahami tugas dan melakukan kesalahan yang amat kecil. Pada tahap kejayaan sederhana pula pelajar-pelajar memahami sebahagian tugas tetapi melakukan kesalahan yang tetap ataupun sama. Manakala pada tahap kejayaan rendah pelajar-pelajar langsung tidak memahami keseluruhan tugas yang diberikan.

Sementara Yahaya dan Ismail (2011) pula berpendapat bahawa pencapaian yang diperolehi oleh seseorang dalam satu-satu peperiksaan atau ujian tertentu lazimnya dijadikan sebagai ukuran kecemerlangan akademik. Ini adalah kerana markah yang diperolehi dapat diperbandingkan dengan sasaran atau target markah. Semakin tinggi markah yang diperolehi pelajar maka semakin dekatlah dia untuk mencapai tahap yang dikatakan cemerlang. Manakala Narimah (1997) telah melihat kecemerlangan akademik sebagai satu keadaan apabila seseorang itu berjaya meningkatkan tahap kemampuannya ke tahap yang paling maksimum bagi dirinya mengikut ukuran yang diletakkan atau pun mengikut ukuran yang dibuat bagi kelompok atau golongan yang sebaya dengannya.

Di dalam *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* (2008), Mohd Najib Abdul Aziz dan Nor Shafrin Ahmad menjelaskan bahawa ujian pencapaian mengandungi set rangsangan yang mengukur penguasaan dan kemahiran individu dalam bidang yang khusus. Set rangsangan ujian digunakan untuk mengukur pencapaian pelajar dalam bidang tertentu. Pencapaian akademik merujuk kepada hasil yang diperolehi oleh pelajar-pelajar setelah mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Secara khususnya pencapaian akademik merujuk kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran pada sesuatu tahap mengikut ukuran peperiksaan. Pencapaian akademik pelajar dalam kajian ini diukur melalui dua cara iaitu yang pertama melalui keputusan peperiksaan akhir tahun 2015 bagi lima mata pelajaran wajib yang diambil oleh 100 orang murid Tahun lima dari SJK (T) Ladang Teluk Buloh dan SJK(T)

Barathi. Mata pelajaran tersebut ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Bahasa Tamil.

Pencapaian murid di sekolah berkait rapat juga dengan tahap motivasi mereka. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi tahap motivasi pencapaian murid. Antaranya ialah jangkaan orang-orang yang signifikan di sekelilingnya seperti ibu bapa, rakan sebaya dan guru. Kajian telah menunjukkan bahawa semua ibu bapa daripada semua latarbelakang prihatin dan mempunyai jangkaan dan harapan yang tinggi terhadap pembelajaran anak-anak mereka (Azizi Yahaya 2003). Manakala guru pula meningkatkan motivasi belajar dengan gaya pembelajaran yang sesuai penting untuk meningkatkan pencapaian akademik murid (Zakaria, 2007). Chambers berpendapat bahawa pelajar harus menggunakan gaya pembelajaran sebagai kekuatan mereka dalam bidang akademik. Hal ini kerana cara yang bersesuaian dengan ciri-ciri pembelajaran akan menyebabkan murid di semua peringkat lebih bermotivasi dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian akademik. Sekiranya menyatakan bahawa apabila kaedah, sumber dan program dipadankan dengan sifat-sifat gaya pembelajaran pelajar, maka pencapaian akademik dan sikap murid akan meningkat. Sebaliknya, jika kurangnya motivasi belajar dalam pengajaran dan pembelajaran, maka pencapaian akademik dan sikap juga turut merosot.

Pendekata, kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa motivasi belajar merupakan pemboleh ubah yang berkaitan dengan pencapaian akademik (Patrick, Emperor Kpangban dan Onwuegbu Okechukwu Chibueze, 2007). Ini menunjukkan motivasi belajar yang mempunyai perkaitan yang kuat dengan prestasi akademik murid. Kajian pencapaian akademik adalah berkait rapat dengan motivasi atau kemahuan diri seseorang individu untuk melakukan sesuatu bagi mencapai matlamat. Sternberg (2001), motivasi bererti dorongan atau keperluan yang memimpin kepada sesuatu tindakan. Motivasi juga melibatkan sesuatu proses yang memberikan kuasa dan arahan yang menggerakkan tingkah laku seseorang. Selain itu, motivasi juga berkait rapat dengan keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap usaha yang dilakukan. Menurut Awang (2010), jika seseorang pelajar itu terdorong untuk belajar dengan tekun bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang maka murid itu ialah seorang murid yang bermotivasi. Dapatan ini menunjukkan faktor motivasi adalah penting dalam usaha untuk meningkatkan prestasi akademik murid.

Motivasi pencapaian merupakan keperluan yang paling penting antara tiga jenis keperluan motivasi yang mempengaruhi komitmen murid dan pencapaian akademik. Oleh yang demikian untuk meningkatkan prestasi akademik murid perlu sentiasa diberi motivasi bagi mengekalkan tahap motivasi mereka agar sentiasa tinggi. Kajian Entwistle 1980 mendapati bahawa kaedah belajar yang baik dan teratur serta motivasi yang tinggi merupakan sebahagian daripada faktor yang berkaitan dengan prestasi akademik yang tinggi (Farawahida, 2011). Sikap positif, yakin diri dan iltizam yang tinggi terhadap pelajaran boleh memberi hasil pencapaian akademik yang tinggi.

Menurut kajian Hashim (2012), murid yang mendapat pencapaian akademik yang baik adalah mereka yang mengamalkan pembelajaran yang aktif di dalam dan di luar kelas manakala murid yang mendapat pencapaian akademik yang rendah adalah mereka yang mengamalkan pembelajaran yang pasif. Pengkaji berpendapat mereka yang mengamalkan pembelajaran yang aktif ialah mereka yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi manakala mereka yang mengamalkan pembelajaran yang pasif ialah mereka yang mempunyai tahap motivasi yang rendah atau tidak bermotivasi.

METODOLOGI

Rekabentuk dan lokasi kajian

Rekabentuk kajian yang dipilih adalah rekabentuk kuantitatif jenis tinjauan. Kajian ini telah dijalankan ke atas dua buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Hilir Perak iaitu SJK (T) Ladang Teluk Buloh dan SJK (T) Barathi. Sekolah ini dipilih kerana mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

Populasi dan teknik persampelan

Seramai 100 orang pelajar daripada jumlah 250 yang masing-masingnya 50 pelajar SJK (T) Ladang Teluk Buloh dan 50 pelajar pula daripada SJK (T) Barathi seperti di dalam Jadual B di bawah. SJK (T) tersebut mempunyai murid yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan bermula tahun 1 hingga Tahun 6; namun begitu pengkaji hanya memilih murid yang berada di Tahun 5 sahaja sebagai sampel kajian ini bagi melihat hubungan motivasi belajar dan pencapaian akademik mereka.

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan jenis bukan kebarangkalian teknik bertujuan (*purposive sampling*) di mana pengkaji hanya memilih responden yang tertentu iaitu murid tahun 5 yang menduduki penilaian akhir tahun 5 sahaja seperti yang disarankan oleh Chua (2014).

Instrumen kajian

Borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Terdapat dua puluh (20) item di Bahagian B yang bertujuan untuk menilai tahap motivasi belajar responden berdasarkan faktor mempengaruhi motivasi belajar mereka iaitu pengaruh diri sendiri, faktor rakan sebaya atau pun faktor pengajar. Kesemua item tersebut diadaptasi daripada Nazroh Bt Abd Rahman (2007) bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Manakala Bahagian C pula adalah berkaitan pencapaian akademik murid yang akan diukur berdasarkan kepada keputusan peperiksaan murid yang telah menduduki peperiksaan akhir tahun pada tahun 2015. Mata pelajaran yang dimaksudkan ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Bahasa Tamil. Bagi pemarkatan pencapaian akademik murid, responden perlu menandakan pencapaian akademik yang diperoleh dalam mata pelajaran yang diambil semasa peperiksaan akhir tahun semasa berada di tahun 5.

Dalam kajian ini, pengkaji mengkategorikan skor pencapaian akademik kepada tiga tahap iaitu tahap pencapaian tinggi, tahap pencapaian sederhana dan tahap pencapaian rendah yang mana menggunakan gred purata. Gred purata adalah satu kaedah pengiraan bagi mendapatkan gred purata bagi setiap mata pelajaran di sekolah. Kaedah ini digunakan bagi memperoleh purata pencapaian setiap murid di dalam peperiksaan akhir tahun yang dijalankan di sekolah. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan gred purata bagi setiap sampel untuk memperoleh maklumat mengenai pencapaian akademik sampel. Pecahan skor menentukan tahap kelulusan murid mengikut perbezaan motivasi belajar yang mempunyai pencapaian yang berbeza di dua buah sekolah luar bandar tersebut.

Penganalisaan data

Kajian ini telah menganalisa kedua-dua jenis statistik ini iaitu statistik deskriptif bagi menghuraikan ciri-ciri variabel kajian ini iaitu dalam bentuk frekuensi, peratusan dan min. Manakala statistik inferensi pula, pengujian hipotesis jenis Korelasi Pearson telah digunakan untuk menyatakan perhubungan antara variabel kajian seterusnya membuat kesimpulan tentang ciri-ciri populasi terlibat berdasarkan ciri-ciri sampel dalam kajian ini. Bagi mendapatkan hasil dapatan, data yang dikumpul tersebut telah dianalisis dengan menggunakan kaedah perisian *statistical program for social science* (SPSS) versi 23.0

KEPUTUSAN EMPIRIKAL

Bahagian A: Demografik data

Kajian ini melibatkan 100 responden, murid lelaki melebihi murid perempuan iaitu 52 murid lelaki berbanding dengan 48% murid perempuan. Bagi bilangan responden berkaitan tahap pendidikan penjaga pula, majoritinya ialah penjaga yang mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah iaitu 57 orang berbanding 33 orang yang mempunyai pendidikan tahap Diploma ke atas. Sementara minoritinya hanya bersekolah rendah (n=8) dan tidak bersekolah (n=2). Manakala status pekerjaan penjaga responden pula didapati seramai 49 orang adalah pekerja di sektor swasta, 34 orang pula bekerja sendiri dan 13 orang bekerja sebagai buruh melebihi 4 orang yang tidak bekerja.

Bahagian A: DEMOGRAFIK MURID

Jadual 1: Demografi Murid

	SJK (T) BARATHI		SJK (T) LADANG TELUK BULOH	
JANTINA (N=100)	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Lelaki	25	50	27	54
Perempuan	25	50	23	46
TAHAP PENDIDIKAN PENJAGA	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Tidak bersekolah	2	4	0	0
Sekolah Rendah	7	14	1	2
Sekolah Menengah	25	50	32	64
Diploma dan ke atas	16	32	17	34
STATUS PEKERJAAN PENJAGA	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Bekerja sendiri	14	28	20	40
Buruh	9	18	4	8
Bekerja swasta	25	50	24	48
Tidak bekerja	2	4	2	4

Bahagian B: Tahap motivasi belajar

Jadual 2: Skor Min Tahap Motivasi Belajar Responden di SJK (T)

No	Pernyataan berkaitan motivasi belajar	SKOR MIN	
		BARATHI	LADANG
1.	Saya selalu membuat persiapan awal sebelum mengikuti pengajaran dan pembelajaran.	3.14	3.54
2.	Saya menggunakan masa terluang untuk membuat ulangkaji daripada membuang masa.	3.06	3.22
3.	Saya paling malas mengulangkaji pelajaran yang sudah diajar di sekolah kerana ia hanya membuang masa sahaja.	2.94	2.04
4.	Saya suka baca buku atau majalah yang berhubungan dengan pelajaran di sekolah.	3.02	2.74
5.	Kepuasan dalam belajar bukan semata-mata kerana mendapat markah yang tinggi.	3.10	3.02
6.	Tugas yang diberikan oleh guru disiapkan kerana ia akan membantu saya dalam memahami pelajaran.	3.92	4.12

7.	Jika salah satu mata pelajaran markah rendah, bagi saya merupakan itu adalah hal yang wajar.	3.64	3.78
8.	Tujuan saya belajar adalah untuk semata-mata mendapat markah tinggi.	3.24	2.98
9.	Saya selalu menghabiskan tugas dengan waktu yang tepat.	3.50	3.10
10.	Saya akan selalu belajar agar prestasi saya meningkat.	3.72	3.74
11.	Belajar merupakan satu perkara biasa bagi saya kerana melalui belajar saya dapat menambahkan pengetahuan saya.	4.12	4.28
12.	Jika suasana di rumah tidak menyenangkan saya untuk belajar, maka saya mencari tempat yang selesa agar dapat menumpukan perhatian.	3.98	3.86
13.	Jika ada guru yang tidak hadir dan tidak ada penggantinya, masa tersebut akan diisi dengan perbincangan dengan rakan sebaya	3.36	3.24
14.	Saya rajin belajar dengan tujuan agar dapat menandingi kemampuan kawan-kawan saya.	2.88	2.84
15.	Masa terluang yang ada digunakan untuk bermain dengan rakan sebaya.	3.32	3.42
16.	Saya menjadi bersemangat untuk belajar jika melihat rakan sebaya lebih rajin	3.88	4.02
17.	Jika ada guru yang tidak hadir, maka pdp akan diganti oleh guru di sekolah.	3.86	4.10
18.	Seringkali saya harus bertanya pada teman atau guru pada saat ada pelajaran yang kurang difahami.	3.86	4.04
19.	Saya sangat bersemangat jika guru saya menggunakan bahan bantu mengajar yang sangat menarik.	4.20	4.34
20.	Jika ada kerja rumah yang tidak difahami saya selalu bertanya pada anggota keluarga ataupun orang lain yang lebih memahaminya.	4.12	4.18

Kajian ini mendapati tahap motivasi murid di SJK (T) adalah di tahap sederhana. Ini berkemungkinan disebabkan oleh SJK (T) terpilih ini merupakan sekolah yang berada di kawasan pedalaman yang serba kekurangan dari aspek kemudahan alat bantu mengajar. Ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi motivasi belajar murid di lokasi kajian. Selain daripada itu faktor luaran seperti faktor keluarga juga mempengaruhi motivasi belajar murid seperti kajian yang dijalankan oleh Yusof Bin Boon & Mohd Sahlan Bin Salamat (2012) yang telah melakukan kajian terhadap budaya membaca ke atas seramai 97 orang. Dalam kajian tersebut sampel kajian yang diambil adalah murid sekolah rendah yang berada di tahun 4. Pengkaji mendapati dapatan kajian membuktikan bahawa tahap pelajar-pelajar terhadap budaya membaca berada adalah di tahap yang sederhana. Beliau percaya dapatan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu faktor ibu bapa di mana faktor luaran inilah yang mendorong minat anak mereka terhadap budaya membaca tersebut. Pendapat ini juga disokong oleh Raai, Alias dan Mohd Hasril (2014) di mana dapatan kajian mereka juga membuktikan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi para pelajar adalah didorong oleh faktor keluarga.

Bahagian C: Tahap prestasi akademik pelajar

Jadual 3: Taburan murid berdasarkan prestasi akademik

LOKASI KAJIAN	PRESTASI AKADEMIK (PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 5)							
	8A		6A-7A		3A-5A		<2A	
	N	%	N	%	N	%	N	%
SJK (T) Barathi	0	0	2	4	10	20	38	76
SJK (T) Ladang	0	0	1	2	8	16	41	82

Jadual 2.0 menunjukkan taburan responden berdasarkan prestasi akademik di kedua-dua lokasi kajian. Hasil kajian mendapati di SJK Barathi seramai $n=2(4\%)$ yang memperolehi antara 6A-7A, $n=10(20\%)$ murid memperolehi antara 3A-5A dan $n=38(76\%)$ murid yang memperolehi <2A di dalam Peperiksaan Akhir Tahun 5. Manakala di SJK Ladang pula, seramai $n=1(2\%)$ murid yang mendapat antara 6A-7A, $n=8(16\%)$ murid yang mendapat antara 3A-5A dan majoritinya iaitu $n=41(82\%)$ murid yang mendapat <2A. Secara amnya hasil kajian ini menunjukkan kedua-dua sekolah di lokasi kajian tidak mempunyai pelajar yang Berjaya mendapat 8A di dalam Peperiksaan Akhir Tahun 5 tersebut.

Analisis Data Inferensi

Jadual 4: Hubungkait antara motivasi belajar dengan pencapaian akademik (T)

Hubungkait dengan pencapaian akademik	Tahap Motivasi Belajar murid	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Prestasi akademik SJK (T) Barathi	0.087	0.547
Prestasi akademik SJK (T) Ladang	-0.127	0.378

Merujuk Jadual 4 di atas, hubungan antara motivasi belajar dengan prestasi akademik murid di SJK (T) Barathi menunjukkan $p=0.547$ iaitu lebih besar daripada $\alpha =0.05$. Ini bermakna tidak terdapat hubungkait yang signifikan antara motivasi belajar dengan prestasi akademik murid di SJK (T) Barathi. Merujuk Jadual 3.0 juga didapati hubungkait motivasi belajar dengan prestasi akademik murid di SJK (T) Ladang mendapati nilai *alpha* adalah lebih besar iaitu $\alpha =0.05$ ($p=0.378$). Ini bermakna motivasi belajar responden tidak mempunyai hubungkait yang positif dengan pencapaian prestasi akademik murid di SJK(T) Ladang tersebut. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa tahap motivasi belajar murid tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik di sekolah SJK (T).

KONKLUSI

Kajian ini merupakan penerokaan awal terhadap hubungan tahap motivasi belajar dan pencapaian prestasi akademik murid di SJK (T) di Perak. Hasil dapat menunjukkan tidak wujud hubungan antara kedua-dua pembolehubah iaitu tahap motivasi belajar dengan pencapaian

prestasi akademik murid. Kajian ini menegaskan bahawa motivasi belajar boleh dijana melalui diri murid itu sendiri, keluarga dan juga peranan masyarakat setempat.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa (2001). *Falsafah dan Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Amir Hasan Dawi (2006). *Pentorian Sosiologi*. Quantum Books.
- Arsaythamby Veloo dan Shamsuddin Muhammad (2011). Hubungan sikap, keseimbangan dan tabiat Pembelajaran dengan pencapaian matematik Tambahan. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26(1), 15–32.
- Brewster, L.R. (2001). *Stress, Coping and Social Support of Student with Learning Disabilities*. UMI ProQuest Digital Dissertations.
- Chua, Y.P. (2014). *Kaedah Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Deckers, L. (2005). *Motivation, Biological, Psychological & Environmental*. (2nd ed.). United State of America: A Pearson Education Inc.
- Ee, A. M. (1992). *Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Edlin, E., & Golanty, E.(2009). *Health and Wellness* (10th Ed). Sudbury, MA: Jones & Bartlett Publishers.
- Grasha, A. F. (1996). *Teaching with style*. Pittsburgh, PA: Alliance.
- Honey, P., & Mumford, A. (2000). *The Learning Style*. Linden Avenue: Peter Honey Publications.
- Jas Laile Zuraida (2002). *Psikologi Perkembangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kelman, E.G., & Straker, K.G. (2000). *Study Without Stress*. London: Sage Publications Inc.
- Mahmood
- Nazar Mohamed (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2003). *Psikologi*. Universiti Putra Malaysia: McGraw Hill.
- Megalah Krishnan (2015). *Penyesuaian, motivasi pencapaian dan pencapaian akademik Pelajar di sebuah sekolah menengah*. Kertas sarjana pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Molly, N.N.L. (2002). *Education Change in Malaysia*. Malaysia: Sinaran Bros. Sdn.Bhd:
- Noran Fauziah Yaakub & Abdul Rahman Aroff (1997). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Siti Aishah Binti Mohd Sabrie (2004). *Faktor Kelemahan Pelajar Dalam Peperiksaan Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan*. Tesis Sarjana: Kolej Universiti Teknologi Hussein Onn.
- Thorndike, R. L. (1971). Concepts of culture fairness. *Journal of Educational Measurement*, 8, 63–70.